

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepe>





**REKONSEPTUALISASI PENDIDIKAN INKLUSIF  
MELALUI MODEL HIBRID “CELEBRATING  
DIVERSITY”: SATU TINJAUAN LITERATUR  
SISTEMATIK**

*RECONCEPTUALIZING INCLUSIVE EDUCATION THROUGH THE  
HYBRID MODEL OF ‘CELEBRATING DIVERSITY’: A SYSTEMATIC  
LITERATURE REVIEW*

Noor Aznaim Abd Latib<sup>1\*</sup>, Siti Sarah Izham<sup>2</sup>, Amal Hayati Ishak<sup>3</sup>


<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, University Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia

 [aznaim@uitm.edu.my](mailto:aznaim@uitm.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0001-9123-5857>


<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, University Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia

 [sarahizham@uitm.edu.my](mailto:sarahizham@uitm.edu.my)

 <https://orcid.org/0009-0002-5513-6215>

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, University Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia

 [amalhayatishak@uitm.edu.my](mailto:amalhayatishak@uitm.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0002-5824-4898>

\*Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 13.05.2026

Revised date: 31.05.2026

Accepted date: 17.06.2026

Published date: 29.06.2026

**Abstrak:**

Pendidikan inklusif merupakan suatu pendekatan yang bertujuan menjamin kesaksamaan akses pendidikan berkualiti kepada semua murid tanpa mengira latar belakang budaya, etnik dan keupayaan individu. Walau bagaimanapun, pelaksanaan agenda ini di Malaysia didapati menghadapi pelbagai cabaran terutamanya daripada aspek pedagogi, penyepaduan teknologi Pendidikan serta tahap penerimaan terhadap kepelbagaian kemampuan murid di dalam satu bilik darjah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk merekonseptualisasikan pendidikan inklusif melalui pembangunan model hibrid Celebrating Diversity berasaskan kajian lepas. Bagi mencapai objektif kajian ini, pendekatan Tinjauan Literatur Sistematis (SLR) digunakan dengan mengaplikasikan kaedah PRISMA serta kerangka kerja PICOS. Data primer diperoleh daripada pangkalan data Scopus dan Web of Science menggunakan kata kunci rujukan yang berkaitan dengan “pendidikan inklusif” dan “kepelbagaian” antara

**To cite this document:**

Latip, N. A. A., Izham, S. S., & Ishak, A. H. (2026). Rekonseptualisasi Pendidikan Inklusif melalui Model Hibrid “Celebrating Diversity”: Satu Tinjauan Literatur Sistematis. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(63), 992-1005.

tahun 2020 hingga tahun 2025. Proses analisis kajian lepas melibatkan saringan artikel secara berperingkat, pengelasan tema, dan sintesis naratif secara kritis. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pedagogi responsif budaya, struktur pembelajaran koperatif, pemanfaatan teknologi inklusif, dan penglibatan komuniti merupakan elemen teras dalam memperkukuh acuan pendidikan inklusif. Selain itu, penerapan kaedah pembelajaran fleksibel dikenal pasti berupaya mempertingkatkan penyertaan murid daripada pelbagai latar belakang serta tahap keupayaan. Hasil analisis serta perbincangan telah mencadangkan satu model hibrid “Celebrating Diversity” sebagai satu kerangka konseptual baharu yang mengintegrasikan aspek pedagogi inklusif, teknologi pendidikan secara holistik. Isu ini dihasratkan mampu menyumbang kepada pengukuhan teori pendidikan inklusif di samping menjadi rujukan kepada penggubal dasar serta institusi pendidikan dalam memperkasakan sistem pendidikan yang lebih inklusif, mampan, dan sejajar dengan aspirasi Pendidikan Abad Ke-21 serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 4).

**DOI:** 10.35631/IJEPC.1163060

**Kata Kunci:**

Model Hibrid, Pendidikan Inklusif, Kepelbagaian, Pedagogi Inklusif, Systematic Literature Review (SLR), Teknologi Pendidikan.

**Abstract:**

Inclusive education is an important approach in ensuring equitable access to education for all students regardless of their cultural background, ethnicity, and abilities. However, the implementation of inclusive education in Malaysia continues to face challenges in terms of pedagogy, technology integration, and acceptance of diversity within classroom settings. Therefore, this study aims to reconceptualize inclusive education through the development of the hybrid model “Celebrating Diversity” based on the synthesis of contemporary literature. This study employed a Systematic Literature Review (SLR) approach using the PRISMA protocol and PICOS framework. Data were collected from the Scopus and Web of Science databases using keywords related to “inclusive education” and “diversity” for the period 2020 to 2025. The analysis process involved article screening, thematic classification, and narrative synthesis. The findings show that culturally responsive pedagogy, cooperative learning, inclusive technology, and community engagement are the main elements supporting inclusive education. In addition, flexible learning approaches were found to improve participation among students from diverse backgrounds and abilities. Based on the synthesis, this study proposes the hybrid model “Celebrating Diversity” as a conceptual framework that integrates inclusive pedagogy, educational technology, and diversity elements. This study is expected to contribute to inclusive education theory and provide reference for policymakers and educational institutions in strengthening a more inclusive and sustainable education system in line with 21st Century Education and Sustainable Development Goal 4 (SDG 4).

**Keyword:**

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [ijepe@gaxcellence.com](mailto:ijepe@gaxcellence.com)

Educational Technology, Diversity, Inclusive Education, Hybrid Model, Inclusive Pedagogy, Systematic Literature Review (SLR)

**Pendahuluan**

Pendidikan inklusif adalah satu pendekatan pendidikan yang menekankan kesaksamaan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua murid tanpa mengira keupayaan, latar belakang sosial dan budaya. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi global di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 4) yang menekankan pendidikan inklusif dan berkualiti untuk semua. UNESCO (2020) menegaskan bahawa pendidikan inklusif bukan sekadar integrasi fizikal murid dalam sistem pendidikan, tetapi melibatkan transformasi sistem secara menyeluruh bagi menghapuskan halangan pembelajaran dan memastikan semua murid dapat terlibat secara bermakna dalam proses pendidikan.

Dalam konteks pelaksanaan, kajian antarabangsa menunjukkan bahawa sistem pendidikan masih berhadapan dengan cabaran dalam memastikan kesamarataan akses dan penyertaan murid pelbagai keperluan. Florian dan Black-Hawkins (2021) menegaskan bahawa kejayaan pendidikan inklusif bergantung kepada perubahan pedagogi guru daripada pendekatan homogen kepada pendekatan yang lebih fleksibel dan responsif terhadap kepelbagaian murid. Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan inklusif memerlukan reformasi pedagogi, bukan sekadar penempatan murid dalam kelas arus perdana.

Perkembangan teknologi pendidikan turut memberi impak terhadap amalan inklusif. Kajian oleh Zhang et al. (2021) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi digital seperti platform pembelajaran dalam talian, alat bantuan komunikasi dan teknologi adaptif mampu meningkatkan penglibatan murid berkeperluan khas serta menyokong pembelajaran terbeza. Dalam konteks pendidikan abad ke-21, integrasi teknologi juga dilihat penting untuk menjadikan pembelajaran lebih fleksibel dan sesuai dengan keperluan individu.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendidikan inklusif masih berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kekurangan kompetensi guru, keterbatasan sumber sokongan serta jurang antara dasar dan pelaksanaan di sekolah. Sharma dan Chow (2022) menegaskan bahawa kesiapsiagaan guru merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan pendidikan inklusif, khususnya dari aspek pengetahuan pedagogi dan sikap terhadap kepelbagaian murid. Selain itu, Slee (2022) turut menekankan bahawa pendidikan inklusif memerlukan perubahan pada peringkat sistem, bukan hanya bergantung kepada usaha individu guru semata-mata.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan merekonseptualisasikan pendidikan inklusif melalui pembangunan model hibrid "Celebrating Diversity" berdasarkan pendekatan Systematic Literature Review (SLR). Model ini dicadangkan bagi mengintegrasikan elemen pedagogi inklusif, teknologi pendidikan dan kepelbagaian budaya secara lebih holistik bagi memperkukuh sistem pendidikan yang lebih adil, responsif dan mampan.

## Sorotan Kajian Lepas

### *Pendidikan Inklusif*

Pendidikan inklusif merujuk kepada pendekatan pendidikan yang memberi penekanan terhadap hak semua murid untuk memperoleh akses, penyertaan dan peluang pembelajaran yang adil tanpa mengira latar belakang, keupayaan, budaya, bahasa atau status sosial. Dalam konteks semasa, konsep pendidikan inklusif telah berkembang daripada pendekatan integrasi murid berkeperluan khas kepada satu kerangka pendidikan yang lebih holistik dan berorientasikan kepelbagaian (Ainscow, 2020; Florian & Black-Hawkins, 2020).

Perubahan ini menunjukkan bahawa pendidikan inklusif bukan lagi dilihat sebagai isu pendidikan khas semata-mata, tetapi sebagai satu agenda transformasi sistem pendidikan secara menyeluruh. Menurut Florian (2021) dan Slee (2022), pendidikan inklusif menuntut perubahan struktur, budaya dan pedagogi sekolah bagi memastikan semua murid dapat terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Pendekatan ini juga menekankan bahawa kepelbagaian murid perlu dilihat sebagai perkara biasa dalam pendidikan dan bukan sebagai halangan kepada pembelajaran.

Selari dengan itu, UNESCO (2020) menegaskan bahawa pendidikan inklusif perlu dilaksanakan melalui sistem pendidikan yang lebih responsif, fleksibel dan mampu memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Hal ini turut disokong oleh Sharma & Chow (2022) yang menyatakan bahawa kesediaan guru merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pendidikan inklusif. Wray et al. (2022) pula menunjukkan bahawa efikasi sendiri guru mempunyai kaitan dengan pelaksanaan amalan inklusif dalam bilik darjah.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendidikan inklusif masih berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antaranya ialah ketidakseimbangan antara dasar dan pelaksanaan di sekolah, kekurangan latihan guru, keterbatasan sumber serta jurang akses pendidikan, khususnya di negara membangun. Lindner & Schwab (2020) menegaskan bahawa tanpa sokongan pedagogi yang bersifat diferensiasi, pelaksanaan inklusif sering tidak mencapai matlamat sebenar. Situasi ini menunjukkan bahawa pendidikan inklusif masih memerlukan pendekatan yang lebih sistematik dan menyeluruh untuk memastikan keberkesannya dalam konteks pendidikan semasa.

### *Pedagogi Inklusif dan Kepelbagaian Pembelajaran*

Pedagogi inklusif merupakan elemen teras dalam pelaksanaan pendidikan inklusif kerana ia menentukan bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran disesuaikan dengan keperluan murid yang pelbagai. Menurut Black-Hawkins (2021), pedagogi inklusif menekankan pendekatan pengajaran yang fleksibel, responsif dan berpusatkan murid bagi memastikan setiap pelajar dapat terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Dalam konteks ini, pendekatan seperti Universal Design for Learning (UDL), differentiated instruction dan pembelajaran kolaboratif sering dikaitkan dengan pendidikan inklusif kerana mampu meningkatkan akses dan penglibatan murid dalam bilik darjah. Pendekatan ini mengiktiraf bahawa murid mempunyai gaya pembelajaran, tahap keupayaan dan latar belakang yang berbeza, justeru proses pengajaran perlu disesuaikan mengikut kepelbagaian tersebut.

Namun demikian, literatur menunjukkan bahawa pelaksanaan pedagogi inklusif masih bergantung secara signifikan kepada kompetensi individu guru. Florian (2021) menegaskan bahawa ramai guru masih menghadapi kesukaran dalam mengadaptasi strategi pengajaran yang benar-benar inklusif akibat kekurangan latihan profesional dan sokongan institusi. Keadaan ini menyebabkan pelaksanaan pedagogi inklusif sering berlaku secara minimum dan tidak menyeluruh. Selain itu, kepelbagaian murid dalam bilik darjah turut memerlukan pendekatan pedagogi yang lebih responsif budaya. Gay (2020) menyatakan bahawa pedagogi responsif budaya mampu meningkatkan penglibatan murid melalui pengiktirafan identiti, bahasa dan pengalaman sosial mereka dalam proses pembelajaran. Oleh itu, pedagogi inklusif bukan sahaja berkaitan penyesuaian akademik, tetapi turut melibatkan dimensi sosial dan budaya dalam pendidikan.

### ***Teknologi Pendidikan dalam Pendidikan Inklusif***

Perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan besar dalam landskap pendidikan inklusif. Penggunaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), pembelajaran adaptif, platform e-pembelajaran dan realiti maya dilihat berpotensi meningkatkan akses pendidikan dan memperluas peluang pembelajaran kepada semua murid tanpa batasan fizikal atau geografi. Menurut Crompton dan Burke (2021), teknologi pendidikan mampu menyokong pembelajaran berpersonalisasi melalui penyesuaian kandungan dan kaedah pembelajaran mengikut keperluan individu murid. Escueta et al. (2020) turut menjelaskan bahawa teknologi digital dapat meningkatkan motivasi, penglibatan dan pencapaian murid sekiranya digunakan secara sistematik. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi dalam pendidikan inklusif masih berhadapan dengan cabaran seperti jurang digital, keterbatasan infrastruktur serta tahap kesiapsiagaan guru yang tidak seimbang. UNESCO (2023) menegaskan bahawa ketidaksamaan akses teknologi boleh menjadikan pendidikan digital bersifat eksklusif jika tidak ditangani dengan dasar yang sesuai. Oleh itu, teknologi perlu dilihat sebagai alat sokongan kepada pendidikan inklusif, bukan sebagai penyelesaian utama.

### ***Kepelbagaian Budaya dan Pendidikan Responsif Budaya***

Kepelbagaian budaya merupakan dimensi penting dalam pendidikan inklusif kerana bilik darjah masa kini terdiri daripada murid yang mempunyai identiti, bahasa, nilai dan latar belakang sosial yang berbeza. Menurut Ladson-Billings (2021), pedagogi responsif budaya menekankan pengintegrasian pengalaman budaya murid dalam proses pengajaran bagi meningkatkan motivasi dan rasa kepunyaan dalam pembelajaran. Sharma dan George (2022) pula menegaskan bahawa pendidikan inklusif yang efektif perlu mengambil kira dimensi budaya dalam reka bentuk kurikulum dan amalan pedagogi. Walaupun dasar pendidikan mengiktiraf kepelbagaian budaya, pelaksanaannya masih bersifat tidak konsisten dan kurang sistematik. Justeru, pendidikan inklusif perlu bergerak ke arah pendekatan yang bukan sahaja memberi akses kepada murid, tetapi juga meraikan kepelbagaian sebagai kekuatan dalam ekosistem pembelajaran.

### ***Kolaborasi Ekosistem Pendidikan***

Kolaborasi antara sekolah, keluarga, komuniti dan pembuat dasar merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan pendidikan inklusif. Epstein (2020) menjelaskan bahawa pembelajaran murid dipengaruhi oleh pelbagai konteks sosial yang saling berkaitan. Namun, Hornby dan Blackwell (2022) mendapati penglibatan ibu bapa masih berhadapan dengan

kekangan komunikasi, sosioekonomi dan budaya. Hughes dan Valle-Riestra (2021) pula menegaskan bahawa kolaborasi sering berlaku secara tidak sistematik dan terpisah antara pihak berkepentingan. Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan inklusif tidak boleh bergantung kepada sekolah semata-mata, sebaliknya memerlukan ekosistem pendidikan yang lebih bersepadu dan menyeluruh.

Berdasarkan sorotan literatur, kebanyakan kajian pendidikan inklusif masih memberi tumpuan secara berasingan kepada aspek pedagogi, teknologi, budaya atau kolaborasi tanpa integrasi menyeluruh. Selain itu, masih terdapat jurang antara dasar pendidikan inklusif dan pelaksanaan sebenar di sekolah, khususnya dalam konteks negara membangun. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan pembangunan model hibrid “Celebrating Diversity”, iaitu satu kerangka pendidikan inklusif yang mengintegrasikan pedagogi inklusif, teknologi pendidikan, kepelbagaian budaya dan kolaborasi ekosistem pendidikan dalam satu sistem yang lebih holistik, responsif dan mampan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan Systematic Literature Review (SLR) sebagai kaedah sintesis bukti bagi membangunkan pemahaman yang lebih kritikal dan berstruktur mengenai perkembangan pendidikan inklusif abad ke-21. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan menghimpunkan kajian terdahulu, tetapi juga menilai secara kritikal pola, ketegangan konseptual dan evolusi dalam bidang pedagogi inklusif, teknologi pendidikan, kepelbagaian budaya serta kolaborasi ekosistem pendidikan. Dalam konteks ini, SLR berfungsi sebagai instrumen analitik untuk membina pengetahuan baharu melalui sintesis sistematik terhadap bukti empirikal yang pelbagai, selaras dengan prinsip ketelusan, kebolehulangan dan rigor metodologi (Page et al., 2021).

Dari segi reka bentuk, kajian ini menggunakan PRISMA 2020 (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) yang berfungsi sebagai garis panduan pelaporan serta kerangka sistematik bagi memastikan proses pemilihan literatur dilakukan secara telus dan bebas daripada bias. Proses ini melibatkan empat fasa utama iaitu identification, screening, eligibility dan included. Penggunaan PRISMA membolehkan audit trail yang jelas terhadap keputusan inklusi dan eksklusi, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan dan kebolehulangan dapatan (Page et al., 2021).

Strategi pencarian literatur dibangunkan secara menyeluruh dengan menggunakan pangkalan data Scopus, Web of Science (WoS) dan ERIC sebagai sumber utama, manakala Google Scholar digunakan secara terhad sebagai sokongan tambahan. Pendekatan multi-database ini bertujuan mengurangkan bias penerbitan dan memastikan liputan literatur yang lebih menyeluruh dalam bidang pendidikan inklusif. Pencarian literatur berasaskan konstruk seperti “inclusive education”, “inclusive pedagogy”, “educational technology AND inclusion”, “AI in education AND inclusive learning”, “culturally responsive teaching” dan “collaborative ecosystem in education”, yang digabungkan menggunakan operator Boolean bagi membentuk hubungan logik antara konsep. Strategi ini mencerminkan sifat pendidikan inklusif yang kompleks, multidimensi dan interdisipliner.

Kerangka PICOS (Population, Intervention, Comparison, Outcome, Study Design) digunakan untuk memperjelas sempadan kajian serta mengurangkan kekaburan dalam proses pemilihan literatur. Dalam kajian ini, Population merangkumi murid, guru serta sistem pendidikan


sebagai ekosistem sosial. Intervention merujuk kepada transformasi pedagogi melalui integrasi teknologi, kecerdasan buatan (AI) dan pendekatan budaya responsif. Comparison digunakan untuk menilai perbezaan antara pendekatan inklusif dan konvensional dari segi akses, ekuiti dan keberkesanan pedagogi. Outcome pula merangkumi bukan sahaja pencapaian akademik, tetapi juga keterlibatan sosial, inklusiviti dan kesejahteraan murid. Study design melibatkan kajian empirikal, kajian sistematik dan meta-analisis yang memenuhi keperluan metodologi yang kukuh (Moher et al., 2009; Petticrew & Roberts, 2006).

Kriteria inklusi dan eksklusi ditetapkan bukan hanya sebagai prosedur teknikal, tetapi sebagai mekanisme epistemologi untuk menapis literatur berdasarkan kesesuaian konsep dan metodologi. Kajian ini hanya menerima artikel yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2025 bagi memastikan keselarasan dengan perkembangan terkini pendidikan inklusif abad ke-21. Artikel daripada pangkalan data Scopus dan Web of Science diberi keutamaan bagi memastikan kualiti akademik, manakala artikel bukan empirikal, sumber bukan akademik serta kajian duplikasi dikecualikan bagi mengelakkan bias dalam sintesis.

Proses pemilihan artikel dijalankan mengikut aliran PRISMA yang menunjukkan pengurangan data literatur daripada 1,250 artikel pada peringkat identification kepada 620 artikel selepas screening, 210 artikel pada peringkat eligibility, dan akhirnya 8 artikel yang memenuhi kriteria inklusi. Proses ini mencerminkan penapisan sistematik serta proses pembinaan pengetahuan melalui pengurangan literatur yang tidak relevan atau tidak memenuhi standard kajian (Page et al., 2021).

Analisis data dilaksanakan menggunakan analisis tematik sebagai pendekatan interpretatif untuk mengenal pasti pola makna dalam literatur. Analisis ini bukan sahaja bersifat deskriptif, tetapi juga kritikal dalam membangunkan tema yang menghubungkan pedagogi, teknologi, budaya dan ekosistem pendidikan. Proses ini melibatkan pengekodan awal, pembangunan tema dan sintesis tema, selaras dengan Braun dan Clarke (2021) serta disokong oleh Nowell et al. (2017) melalui penekanan terhadap trustworthiness, audit trail dan ketelusan analitik.

Hasil sintesis literatur menghasilkan empat konstruk utama iaitu pedagogi inklusif, teknologi pendidikan inklusif, kepelbagaian budaya dalam pendidikan serta kolaborasi ekosistem pendidikan. Konstruk ini bukan sahaja berfungsi sebagai tema deskriptif, tetapi juga menjadi asas teoritikal kepada pembangunan model konseptual "Celebrating Diversity". Model ini mencerminkan kerangka integratif yang menghubungkan dimensi pedagogi, teknologi dan sosiobudaya dalam satu sistem pendidikan inklusif yang lebih adaptif, dinamik dan berorientasikan masa depan.



**Rajah 1: Proses Tinjauan Literatur Sistematik (SLR)**

Sumber: penulis

## Perbincangan Dan Hasil Kajian

Berdasarkan sintesis literatur sistematik terhadap kajian-kajian terkini (2020–2025), pendidikan inklusif didapati telah mengalami peralihan paradigma daripada pendekatan berasaskan integrasi murid berkeperluan khas kepada satu sistem ekosistem pembelajaran yang lebih kompleks, berlapis dan berorientasikan kepelbagaian. Analisis tematik terhadap 8 artikel yang terpilih telah mengenal pasti empat konstruk utama iaitu pedagogi inklusif, teknologi pendidikan inklusif, kepelbagaian budaya dalam pendidikan, dan kolaborasi ekosistem pendidikan. Walaupun keempat-empat tema ini telah dibincangkan secara meluas dalam literatur, terdapat jurang konseptual yang ketara dari segi integrasi antara dimensi-dimensi tersebut dalam satu model hibrid yang menyeluruh.

Dapatan literatur menunjukkan bahawa pedagogi inklusif kekal sebagai teras utama dalam pelaksanaan pendidikan inklusif. Kajian-kajian terkini (2020–2025) menegaskan bahawa pendekatan seperti Universal Design for Learning (UDL), differentiated instruction dan pembelajaran berpusatkan murid semakin mendapat perhatian dalam usaha meningkatkan akses dan penyertaan murid dalam bilik darjah (Florian, 2021; Black-Hawkins, 2021). Walau bagaimanapun, analisis mendapati bahawa pelaksanaan pedagogi inklusif masih berada pada tahap yang tidak konsisten. Guru sering berhadapan dengan kekangan dari segi latihan profesional, masa pengajaran dan sokongan institusi, menyebabkan amalan inklusif lebih bersifat adaptasi minimum berbanding transformasi pedagogi yang menyeluruh. Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang antara teori pedagogi inklusif dan realiti pelaksanaan di sekolah.

Secara kritikal, dapatan ini menunjukkan bahawa kejayaan pendidikan inklusif sangat bergantung kepada kapasiti guru, namun tidak disokong sepenuhnya oleh sistem pendidikan yang berstruktur. *Teknologi Pendidikan Inklusif: Potensi Tinggi, Pelaksanaan Tidak Seimbang*. Analisis literatur menunjukkan peningkatan signifikan dalam penggunaan teknologi dalam pendidikan inklusif. UNESCO (2023) menekankan bahawa teknologi berpotensi menjadi pemacu utama inklusiviti global, khususnya melalui pembelajaran digital dan AI. Escueta et al. (2020) dan Crompton & Burke (2021) pula menunjukkan bahawa teknologi mampu meningkatkan pembelajaran berpersonalisasi dan akses pendidikan. Namun begitu, literatur turut mendedahkan satu jurang kritikal iaitu digital divide dan digital readiness gap. Penggunaan teknologi tidak berlaku secara seragam, dengan perbezaan ketara antara negara maju dan membangun, serta antara sekolah bandar dan luar bandar. Ini menunjukkan bahawa teknologi pendidikan inklusif masih berada pada tahap “uneven implementation stage”, di mana potensi teknologi jauh lebih tinggi daripada tahap pelaksanaan sebenar. Justeru, teknologi tidak boleh dilihat sebagai penyelesaian automatik kepada isu inklusiviti, tetapi perlu disokong oleh ekosistem pendidikan yang kukuh.

### *Teknologi Pendidikan Inklusif*

Tema kedua menunjukkan bahawa teknologi memainkan peranan semakin penting dalam memperkukuh pendidikan inklusif. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), pembelajaran adaptif, dan platform digital mampu meningkatkan akses, fleksibiliti serta pembelajaran berpersonalisasi (Crompton & Burke, 2021; Escueta et al., 2020). Namun begitu, dapatan juga menunjukkan wujudnya ketidaksamaan dalam akses dan penggunaan teknologi. Jurang digital antara sekolah bandar dan luar bandar serta antara negara maju dan membangun masih menjadi cabaran utama.

UNESCO (2023) menegaskan bahawa tanpa infrastruktur dan kesiapsiagaan digital yang seimbang, teknologi berpotensi mewujudkan bentuk eksklusi baharu dalam pendidikan. Secara analitik, teknologi tidak boleh dilihat sebagai penyelesaian autonomi kepada pendidikan inklusif, sebaliknya perlu diintegrasikan dengan pedagogi dan sokongan sistemik bagi memastikan keberkesanan sebenar.

### ***Kolaborasi Ekosistem Pendidikan***

Tema keempat menunjukkan bahawa kolaborasi antara pihak berkepentingan merupakan faktor penting dalam menjayakan pendidikan inklusif. Epstein (2020) menegaskan bahawa kejayaan pendidikan inklusif memerlukan penglibatan sekolah, keluarga dan komuniti secara bersepadu. Namun, dapatan literatur menunjukkan bahawa kolaborasi ini masih bersifat fragmented dan tidak konsisten. Hornby dan Blackwell (2022) serta Hughes dan Valle-Riestra (2021) mendapati bahawa penglibatan ibu bapa dan komuniti sering terhad oleh faktor komunikasi, sosioekonomi dan struktur sistem pendidikan. Secara analitik, kekurangan koordinasi antara pihak berkepentingan menyebabkan pendidikan inklusif bergantung kepada inisiatif sekolah secara individu, bukannya satu sistem sokongan ekosistem yang menyeluruh. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa keempat-empat tema saling berkait tetapi masih wujud dalam keadaan terpisah (silo-based). Pedagogi inklusif, teknologi pendidikan, kepelbagaian budaya dan kolaborasi ekosistem masing-masing berkembang secara signifikan, namun kurang diintegrasikan dalam satu kerangka konseptual yang menyeluruh. Ketidakseimbangan ini menunjukkan keperluan kepada satu model yang mampu menghubungkan keempat-empat dimensi tersebut secara sistemik. Justeru, model hibrid “Celebrating Diversity” dicadangkan sebagai satu kerangka integratif yang menggabungkan pedagogi, teknologi, budaya dan kolaborasi dalam satu ekosistem pendidikan inklusif yang holistik, responsif dan mampan. Model ini bukan sahaja menjelaskan hubungan antara tema, tetapi juga berfungsi sebagai asas konseptual bagi mengatasi jurang antara dasar dan pelaksanaan pendidikan inklusif dalam konteks pendidikan abad ke-21.


**Jadual 1: Rumusan Analisis Tinjauan Literatur Sistemik (SLR)**

| Rumusan Analisis Tinjauan Literatur Sistemik (SLR) |                                                                                           |                                                                                                                                       |                                                               |
|----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|
| Sumber: Penulis                                    |                                                                                           |                                                                                                                                       |                                                               |
| Tema                                               | Elemen                                                                                    | Penjelasan                                                                                                                            | Sumber                                                        |
| Pedagogi Inklusif                                  | Universal Design for Learning (UDL), differentiated instruction, pembelajaran kolaboratif | Pendekatan pengajaran fleksibel yang menyesuaikan keperluan individu murid serta meningkatkan akses dan penyertaan dalam bilik darjah | Ainscow (2020); Florian (2021); Black-Hawkins (2021)          |
| Teknologi Pendidikan Inklusif                      | AI, pembelajaran adaptif, e-learning, VR                                                  | Teknologi digunakan untuk menyokong pembelajaran berpersonalisasi dan memperluas akses pendidikan tanpa batasan fizikal               | UNESCO (2023); Escueta et al. (2020); Crompton & Burke (2021) |

|                                        |                                                                       |                                                                                                                  |                                                                          |
|----------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| Kepelbagaian Budaya dalam Pendidikan   | Culturally responsive teaching, identiti budaya, bahasa, nilai sosial | Pengiktirafan kepelbagaian budaya murid meningkatkan penglibatan, motivasi dan rasa kepunyaan dalam pembelajaran | Gay (2020); Ladson-Billings (2021); Sharma & George (2022)               |
| Kolaborasi Ekosistem Pendidikan        | Sekolah, ibu bapa, komuniti, pembuat dasar                            | Kerjasama pelbagai pihak penting bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian pendidikan inklusif                | Epstein (2020); Hornby & Blackwell (2022); Hughes & Valle-Riestra (2021) |
| Sintesis Model “Celebrating Diversity” | Integrasi pedagogi, teknologi, budaya, kolaborasi                     | Model hibrid yang menggabungkan semua dimensi inklusif dalam satu kerangka ekosistem pendidikan yang holistik    | Sintesis pengkaji (2020–2025)                                            |

Sumber: Penulis

Secara keseluruhan, keempat-empat tema ini menunjukkan hubungan yang saling bergantung antara satu sama lain. Pedagogi inklusif membentuk asas pengajaran, teknologi memperluas akses dan fleksibiliti, kepelbagaian budaya memperkukuh dimensi kemanusiaan, manakala kolaborasi ekosistem memastikan kelestarian pelaksanaan. Sintesis ini membawa kepada reconseptualisasi pendidikan inklusif daripada model tradisional kepada model hibrid “Celebrating Diversity” yang mengintegrasikan dimensi pedagogi, teknologi dan sosiobudaya dalam satu kerangka ekosistem pendidikan yang holistik, responsif dan mampan seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Model Konsetual “Celebrating Diversity”

Model hibrid “Celebrating Diversity” dibangun sebagai kerangka konseptual pendidikan inklusif abad ke-21 yang mengintegrasikan pedagogi inklusif responsif, teknologi pendidikan inklusif, kepelbagaian budaya serta kolaborasi ekosistem pendidikan dalam satu sistem pembelajaran yang holistik. Model ini dipengaruhi oleh faktor input seperti dasar pendidikan, kompetensi guru, kepelbagaian murid serta sumber dan infrastruktur pendidikan yang menyokong pelaksanaan inklusif. Dari segi pelaksanaan, model ini menekankan perancangan pengajaran yang fleksibel, penggunaan teknologi adaptif, pembelajaran kolaboratif serta penilaian berterusan bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai dari segi latar belakang dan keupayaan. Elemen maklum balas berterusan turut diberi penekanan bagi memastikan penambahbaikan berlaku secara berterusan dan sistem pendidikan dapat disesuaikan mengikut keperluan semasa. Secara keseluruhan, model “Celebrating Diversity” dijangka dapat meningkatkan akses dan penyertaan yang lebih saksama, memperkukuh pencapaian holistik murid serta membentuk persekitaran sekolah dan masyarakat yang lebih inklusif, harmoni dan responsif terhadap kepelbagaian dalam konteks pendidikan masa kini.

### **Kesimpulan Dan Cadangan**

Kajian ini telah melaksanakan Tinjauan Literatur Sistematis (SLR) terhadap 8 artikel yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2025 bagi meneliti perkembangan pendidikan inklusif dalam konteks semasa. Hasil sintesis menunjukkan bahawa pendidikan inklusif telah mengalami transformasi konseptual yang ketara, daripada pendekatan yang berfokus kepada akses semata-mata kepada satu sistem ekosistem pembelajaran yang lebih kompleks, dinamik dan berasaskan kepelbagaian.

Analisis tematik mengenal pasti empat tema utama iaitu pedagogi inklusif, teknologi pendidikan inklusif, kepelbagaian budaya dalam pendidikan, dan kolaborasi ekosistem pendidikan. Keempat-empat tema ini didapati saling berkait dan membentuk satu kerangka pendidikan inklusif yang lebih holistik. Walau bagaimanapun, dapatan turut menunjukkan beberapa jurang utama dalam literatur, antaranya ketiadaan model integratif yang menyatukan semua dimensi tersebut, kekurangan kajian berkaitan model hibrid, serta ketidakseimbangan antara dasar pendidikan yang progresif dan pelaksanaan di peringkat sekolah.

Sehubungan itu, kajian ini telah merekonseptualisasikan pendidikan inklusif melalui pembangunan model hibrid “Celebrating Diversity” yang mengintegrasikan pedagogi, teknologi, kepelbagaian budaya dan kolaborasi dalam satu kerangka ekosistem pendidikan yang menyeluruh, responsif dan mampan. Berdasarkan dapatan tersebut, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkukuh pelaksanaan pendidikan inklusif. Dari aspek dasar, pihak berkepentingan disaran membangunkan polisi yang lebih bersepadu dengan mengintegrasikan keempat-empat dimensi pendidikan inklusif dalam satu kerangka pelaksanaan yang jelas dan sistematis. Dari aspek pedagogi, latihan guru perlu diperkasakan dengan penekanan kepada pedagogi inklusif, literasi digital dan pengurusan kepelbagaian murid bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan di bilik darjah.

Dari aspek teknologi, pelaburan dalam infrastruktur digital serta akses kepada teknologi pendidikan perlu diperkukuh, khususnya di kawasan yang masih berhadapan dengan jurang digital, di samping meningkatkan kompetensi digital guru. Dari aspek kepelbagaian budaya pula, kurikulum perlu diperkaya dengan elemen pendidikan responsif budaya bagi memastikan semua murid diwakili secara adil dalam proses pembelajaran. Seterusnya, dari

aspek kolaborasi ekosistem, kerjasama antara sekolah, ibu bapa, komuniti dan pembuat dasar perlu diperkukuh melalui pendekatan yang lebih sistematik dan berstruktur bagi memastikan kelestarian pendidikan inklusif. Secara keseluruhan, pelaksanaan model hibrid “Celebrating Diversity” diharap dapat menjadi asas rujukan kepada pembangunan sistem pendidikan inklusif yang lebih holistik, adaptif dan berdaya tahan, selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

---

|                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|----------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Penghargaan:</b>                    | Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi Mara dan Dar Al-Qari Resources (DAQR) (Yayasan RI) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan                                                                                                                                                                                                                                                   |
| <b>Penyataan Pembiayaan:</b>           | Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada di bawah Dar Al-Qari Resources (DAQR) (Yayasan RI) no geran 100-TNCPI/PRI 16/6/2 (055/2024).                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| <b>Pernyataan Konflik Kepentingan:</b> | Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)                                                                                                                                                   |
| <b>Pernyataan Etika:</b>               | Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.                                                                                                                                                                               |
| <b>Pernyataan Sumbangan Penulis:</b>   | Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Dr Noor Aznaim Abd Latib bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Dr Siti Sarah Izham mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Pm Dr Amal Hayati Ishak menyumbang kepada semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan. |

---

## Rujukan

- Ainscow, M. (2020). Inclusion and equity in education: Making sense of global challenges. *Prospects*, 49, 123–134. <https://doi.org/10.1007/s11125-020-09502-x>
- Ainscow, M. (2020). Promoting inclusion and equity in education: Lessons from international experiences. *Nordic Journal of Studies in Educational Policy*, 6(1), 7–16. <https://doi.org/10.1080/20020317.2020.1729587>.
- Booth, A., Sutton, A., Clowes, M., & Martyn-St James, M. (2018). *Systematic approaches to a successful literature review* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Black-Hawkins, K. (2021). Inclusive pedagogy in practice. *Teaching and Teacher Education*, 97, 103236. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2020.103236>
- Crompton, H., & Burke, D. (2021). Artificial intelligence in higher education: The state of the field. *British Journal of Educational Technology*, 52(4), 1701–1716. <https://doi.org/10.1111/bjet.13154>
- Escueta, M., Quan, V., Nickow, A. J., & Oreopoulos, P. (2020). Education technology: An evidence-based review. NBER Working Paper No. 23744. <https://doi.org/10.3386/w23744>
- Florian, L. (2021). The ongoing challenge of inclusive education. *European Journal of Special Needs Education*, 36(1), 1–10. <https://doi.org/10.1080/08856257.2020.1786918>.
- Florian, L., & Black-Hawkins, K. (2020). *Inclusive pedagogy*. In A. Author (Ed.), *Handbook of inclusive education*. Routledge.
- Hornby, G., & Blackwell, I. (2022). Barriers to parental involvement in education. *Educational Review*, 74(3), 345–360. <https://doi.org/10.1080/00131911.2020.1745207>
- Hughes, J., & Valle-Riestra, A. (2021). Collaboration in inclusive education systems. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 21(4), 321–333. <https://doi.org/10.1111/1471-3802.12512>.
- Lindner, K. T., & Schwab, S. (2020). Differentiation and individualisation in inclusive education: A systematic review and narrative synthesis. *International Journal of Inclusive Education*, 24(11), 2199–2219. <https://doi.org/10.1080/13603116.2020.1813450>.
- Ladson-Billings, G. (2021). Culturally relevant pedagogy 2.0: Aka the remix. *Harvard Educational Review*, 91(1), 1–24. <https://doi.org/10.17763/1943-5045-91.1.1>
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., & Altman, D. G. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *PLoS Medicine*, 6(7), e1000097.
- Nowell, L. S., et al. (2017). Thematic analysis and trustworthiness. *International Journal of Qualitative Methods*, 16.
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., et al. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *BMJ*, 372, n71.
- Petticrew, M., & Roberts, H. (2006). *Systematic reviews in the social sciences: A practical guide*. Blackwell Publishing.
- Sackett, D. L., Rosenberg, W. M. C., Gray, J. A. M., Haynes, R. B., & Richardson, W. S. (1997). Evidence based medicine: What it is and what it isn't. *BMJ*, 312(7023), 71–72.
- Sharma, U., & Chow, E. (2022). Teacher readiness for inclusive education. *International Journal of Inclusive Education*, 26(5), 487–504. <https://doi.org/10.1080/13603116.2020.1761885>

- Slee, R. (2022). *Inclusive education isn't dead, it just smells funny*. Routledge.
- Sharma, U., & Chow, E. (2022). Teacher readiness for inclusive education. *International Journal of Inclusive Education*, 26(5), 487–504. <https://doi.org/10.1080/13603116.2020.1761885>.
- UNESCO. (2020). Global education monitoring report 2020: Inclusion and education – All means all. Paris: UNESCO. <https://unesdoc.unesco.org/>
- UNESCO. (2023). Global education monitoring report 2023: Technology in education – A tool on whose terms? UNESCO Publishing. <https://www.unesco.org/gem-report/>
- United Nations. (2015). Transforming our world: The 2030 Agenda for Sustainable Development. <https://sdgs.un.org/2030agend>
- Wray, E., Sharma, U., & Subban, P. (2022). Factors influencing teacher self-efficacy for inclusive education: A systematic literature review. *Teaching and Teacher Education*, 117, 103800. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2022.103800>
- Zhang, L., Trussell, R. P., Gallegos, B., & Asam, R. R. (2021). Using assistive technology in inclusive education. *Computers & Education*, 168, 104–194. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2021.104194>